

Gabungkan idealisme

BH 30 JUN 2000

Oleh Jamhariah Jaafar

ISU ketuanan Melayu sekali lagi menjadi fokus rakyat negara ini, terutama selepas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengingatkan Perlembagaan Malaysia tidak pernah menetapkan ketuanan dalam memiliki jawatan sebagai pemerintah nombor satu negara.

Ironinya kenyataan itu dibuat Perdana Menteri ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA, baru-baru ini.

Bagi Umno, parti terunggul Melayu, kenyataan Presidennya itu dianggap sebagai tamparan hebat. Jika pun ia masih belum menginsafkan seluruh umat Melayu, ia berjaya mencetus kesedaran bahawa perbalahan dan kontroversi yang berlaku sejak akhir-akhir ini boleh mengakibatkan 'yang dikejar tidak dapat dan yang dikendong berciciran'.

Hakisan perpaduan Melayu jelas terbukti pada pilihan raya umum lalu apabila dua parti besar Melayu, Umno dan Pas, masing-masing berebut pengundi Melayu. Umno masih berkuasa berikutan kemenangan gabungan parti komponen Barisan Nasional (BN) tetapi terpaksa insaf bahawa sokongan daripada anak jati Melayu sendiri ketika itu semakin luntur dan lusuh. Keinsafan itu juga sepatutnya meliputi semua 2.7 juta ahlinya, yang ternyata turut menyumbang kepada beberapa kekalahan Umno, terutama di Kelantan dan Terengganu.

Justeru, bedah siasat demi bedah siasat dibuat bagi meneliti punca dan sebab hakisan itu berlaku. Kekalahan beberapa tokoh utama Umno pada pilihan raya itu turut disambut meriah oleh parti lawan yang dikuasai Melayu tanpa menyedari sorakan yang hampir-hampir menyaksikan kampung sendiri tergadai.

CC

Masyarakat Melayu kini seolah-olah melihat sesiapa yang menyertai Umno hanya untuk mendapatkan sesuatu. Keadaan semakin buruk dengan penonjolan sikap tidak ikhlas dan angkuh oleh kebanyakan pemimpinnya

yang dialami Umno sekarang adalah akibat ketiadaan perjuangan yang jelas mengenai sistem pemerintahan Islam.

Beliau juga mengakui hakikat bahawa hakisan sokongan itu juga berpunca daripada kelemahan dalam struktur organisasi parti serta sikap kebanyakan pemimpinnya yang gagal memperlihatkan keikhlasan dalam perjuangan mereka, mengakibatkan masyarakat Melayu beralih arah.

Justeru, Rais mengaku antara usaha yang perlu dilakukan Umno sekarang demi memastikan kelangsungan parti terunggul Melayu ini ialah menggabungkan cetusan idealisme keMelayuan dengan idealisme Islam.

Di samping membuat pembaharuan diri, katanya, Umno juga perlu melakukan proses penyelidikan dan pembangunan (R & D) dengan mewujudkan satu pangkalan data pelbagai kepakaran sebagai sumber rujukan utama.

"Ketika ini, tidak ada usaha untuk memantau soal R & D bangsa. Kita perlu wujudkan satu pangkalan data yang mengumpul semua sumber rujuk membabitkan tenaga pensyarah, penerangan, golongan profesional sehingga golongan ulama, bagi memastikan setiap aspek dapat diteliti dengan sempurna," katanya.

“**Antara usaha yang perlu dilakukan Umno sekarang demi memastikan kelangsungan parti terunggul Melayu ini ialah menggabungkan cetusan idealisme keMelayuan dengan idealisme Islam**

RAIS YATIM – ”

Apa 'yang menvedihkan atau mungkin menjadi' bahan jenaka parti lawan ialah bila ada pemimpin Umno kalah mendedahkan pekung di dada dengan membukukan pengalaman sendiri. Buku *Getek* tulisan bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, mencipta satu lagi suasana hangat di Perhimpunan Agung Umno, Mei lalu, apabila beliau secara terbuka mendedahkan kepincangan yang dialami Umno selama ini.

Dr Mahathir ketika berucap di Majlis Taklimat Presiden sehari sebelum Perhimpunan Agung turut mengulas tulisan Megat Junid, dengan berkata walaupun *getek* (me-luat) tetapi semua pihak wajib menganalisis hakikat yang terkandung di dalam buku itu.

Buku itu mengakui kehadiran pelbagai gejala yang melemahkan parti terunggul Melayu itu, terutama kehadiran kegiatan politik wang, kehadiran golongan korporat di dalam parti yang banyak menyumbang kepada pengikisan semangat perjuangan Melayu yang hakiki, nawaitu yang tidak sihat bagi penyertaan baru ke dalam Umno serta sikap mengongkong barisan kepimpinan Umno dari atas hingga ke akar umbi sehingga menyekatkan kemasukan muka baru yang lebih berwibawa.

Megat Junid antara lain meluahkan: "Umno kini benar-benar tenat, yang harus diubat dan dipulihkan. Dalam keadaan yang tenat ini, Umno tidak boleh lagi menghadapi angkara yang boleh memburukkan lagi keadaan, tidak boleh lagi menghadapi bencana perpecahan. Dengan itu pemilihan tahun ini (Perhimpunan Agung Umno, Mei lalu), elakkan segala peristiwa yang boleh menambah perpecahan.

"Jika sudah tenat, sudah nazak, Umno tidak sekali-kali boleh berhadapan dengan krisis. Jika berlaku,

Umno akan hancur, lebur dan berkubur. Seperti tahun 1987. Bukan Dr Mahathir yang penting dan bukan Abdullah Badawi yang penting. Yang penting ialah Umno. Mereka ini datang dan pergi. Tapi Umno mesti tegak kuat. Seperti tegak kuatnya Menara Kuala Lumpur, Menara Berkembar dan Menara Dayabumi, bagi melindungi orang Melayu, Meneruskan perjuangan agenda Melayu yang belum selesai lagi. Kuasa Melayu wajib dikekalkan di buminya sendiri."

Justeru, beliau mengingatkan semua pemimpin Umno dan ahli yang sudah menimba banyak kekayaan dengan penyertaan di dalam parti itu: "Jangan sombong dan bongkak. Rakyat akan benci. Rakyat akan meluat. Musuh banyak modal mengata kita, mengemang kita. Senang rakyat percaya, parti jadi lemah dan akhirnya kuasa, kekuasaan, populariti Umno akan terhakis. Sebab apa? Kerana kita sendiri bukan kerana Umno."

Menyentuh mengenai budaya mengharapkan habuan yang melanda hampir semua peringkat kepimpinan Umno, Megat Junid berkata: "Yang dapat tidak pernah berterima kasih, malah mahu banyak lagi. Yang dapat tidak ramai, tapi yang tak dapat dan yang tak ada peluang lebih ramai. Golongan ini akan marah, akan heboh, akan marah-marah... Mereka maki menteri besar, ketua menteri, ketua bahagian dan ketua cawangan, akhirnya mereka maki Umno. Umno jadi sasaran, bila pilihan raya, mereka bayar dendam, Umno kalah."

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rais Yatim, yang diketepikan oleh perwakilan Umno ketika pemilihan Naib Presiden berikutan kelantangan beliau untuk mengembalikan parti itu ke landasan sebenar. aula berkata hakisan sokongan

Seorang pemimpin Pas, Husam Musa, pula berpendapat kegagalan parti pemerintah dalam mengisi kekosongan jiwa akibat ketiadaan agenda perjuangan yang jelas, adalah antara sebab masyarakat Melayu mencari alternatif dalam pilihan raya umum lalu.

Katanya, definisi agama Islam yang menjadikan Islam sebagai satu identiti keMelayuan yang sangat penting, diabaikan dalam perspektif yang sewajarnya oleh Umno.

"Umno sebagai wadah yang memperjuangkan keMelayuan, meninggalkan beberapa aspek penting, terutama membabitkan perjuangan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam perjuangan Melayu.

"Disebabkan pemerintahan yang berjalan tidak selari dengan aspek keMelayuan yang asasnya ialah Islam, maka secara tidak langsung ia

“

Kegagalan parti pemerintah dalam mengisi kekosongan jiwa akibat ketiadaan agenda perjuangan yang jelas, adalah antara sebab masyarakat Melayu mencari alternatif dalam pilihan raya umum lalu

”

- HUSAM MUSA